



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

KENYATAAN TAWARAN SH 10/03/2025

1. Tawaran Perkara di atas adalah dirujuk dan sukacita pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mempelawa syarikat tuan / puan menyertai sebut harga seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA & TARIKH PELAWAAN	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN (soft copy)	TARIKH TUTUP & SERAHAN SEBUT HARGA
SH 10/03/2025 29 APRIL 2025 (SELASA)	PEMBANGUNAN LAMAN WEB OVER THE TOP (OTT) TV PUSAT MEDIA	210102 210103 210104 210105	8 MEI 2025 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI DEWAN SAJIAN, IKIM	8 MEI 2025 (KHAMIS), (Selepas sesi taklimat) Hingga 28 MEI 2025 (RABU) RM50.00 ISNIN – JUMAAT 8.00 PAGI – 4.00 PETANG	28 MEI 2025 (RABU) 12.00 Tengahari

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan **Sijil-sijil Asal** berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa sesi taklimat sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
 - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA (**JIKA BERKAITAN**).

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

3. Bayaran dokumen Sebut Harga boleh dibuat secara Tunai / *Direct bank in* / Wang Pos / Bank Draf atas nama **INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.
4. Dokumen Sebut Harga akan diserahkan setelah bayaran dibuat. Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual selepas tempoh yang dinyatakan dalam jadual di atas.
5. Pembekal yang berminat **diwajibkan menghadiri taklimat** seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil syarikat **diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi syarikat**. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya kontraktor **tidak menghadiri** taklimat.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

6. Sila sertakan **salinan Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank (3 bulan terkini) yang disahkan oleh pihak bank dan Penyata Kewangan yang beraudit (jika berkenaan) dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST) jika berkaitan** (semasa penghantaran dokumen sebut harga).
7. Semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. IKIM tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. IKIM berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran sebut harga tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap (**sila buat dalam dua (2) salinan**) diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjurong kiri "**Dokumen Sebut Harga: SH 10/03/2025**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 28.5.2025** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
NO. 2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480, KUALA LUMPUR
TEL: 03-6204 6200 FAX: 03-6201 4189**

Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima.